



جَبَاتُ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِيسْلَامِ نَغِيرِي سَابَاه

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اَلْخُطْبَةُ الْجُمُعِيَّةُ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

25 SYAABAN 1447H / 13 FEBRUARI 2026M

“AL-QURAN PANDUAN HIDUP SEPANJANG ZAMAN”

Disediakan oleh
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَضَّلَ الْإِنْسَانَ عَلَى سَائِرِ خَلْقِهِ فَأَرْشَدَهُ إِلَى الْحَقِّ وَالصَّوَابِ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَإِلَيْهِ الْمَرْجِعُ وَالْمَأْبُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ إِنَّهُ إِلَى رَبِّهِ أَوَّابٌ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ وَعَلَى آلِهِ الطَّاهِرِينَ
وَأَصْحَابِهِ الْمَهْدِيِّينَ وَمَنْ سَلَكَ سَبِيلَهُمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: كَتَبْنَا أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُوا
الْأَلْبَابِ.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita bersama-sama terus istiqamah memperkukuhkan keimanan dan meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Ketahuilah bahawa sesiapa yang benar-benar bertakwa kepada Allah SWT, nescaya Allah SWT akan melapangkan segala kesempitan yang dihadapinya, mengurniakan jalan keluar daripada setiap permasalahan, serta memberikan rezeki dari arah yang tidak pernah terlintas di hati dan tidak terjangkau oleh akal fikiran. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang *lagha* (sia-sia) seperti berbual kosong, bermain telefon atau tidur. Bersempena dengan Majlis Tilawah Dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Sabah bagi tahun 1447H/ 2026M yang berlangsung dari 9 Februari hingga 13 Februari ini, mimbar hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk:

“Al-Quran Panduan Hidup Sepanjang Zaman.”

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Al-Quran adalah kitab terakhir yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia sebagai pedoman hidup di dunia dan di akhirat. Semenjak al-Quran diturunkan lebih daripada 1400 tahun yang lalu, al-Quran telah berjaya mengubah sejarah manusia yang hidup tanpa sebarang peraturan dan sistem, menjadi umat yang terbaik dan dicontohi dalam segenap bidang. Lantaran itu, al-Quran bukan sahaja dijadikan panduan hidup bagi seseorang yang menginginkan kedamaian, ketenteraman dan kebahagiaan malah al-Quran turut memberikan petunjuk segala aspek kehidupan meliputi sistem kekeluargaan, kemasyarakatan, pentadbiran negara dan sebagainya. Justeru, wahyu agung ini perlu diteliti, difahami, dipelihara dan dirujuk setiap masa. Walaupun demikian, isi kandungan al-Quran mesti dirujuk kepada ahlinya selari dengan fahaman *Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Hal ini amat penting agar kita tidak tersalah faham sehingga sesat dengan tafsiran sendiri sepertimana firman Allah SWT yang telah dibacakan di awal khutbah sebentar tadi melalui surah Sad ayat 29 yang **bermaksud**: *“(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), kitab yang banyak faedah dan manfaatnya untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.”*

Mutakhir ini, kita dapat lihat telah munculnya golongan yang sewenang-wenangnya mentafsirkan al-Quran mengikut hawa nafsu sehingga melahirkan golongan-golongan ajaran sesat dan fahaman yang menyeleweng seperti Liberal dan *Quraniyyun*, iaitu golongan anti-hadis. Mereka ini adalah sekelompok manusia yang menolak hadis dan hanya menggunakan al-Quran sahaja sebagai panduan hidup. Justeru, fahaman-fahaman sebegini perlu dihindari oleh seluruh umat Islam agar

tidak terjebak sehingga boleh mengakibatkan perpecahan dalam kalangan umat Islam sendiri.

HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Antara amalan umat Islam yang terbaik adalah membaca dan memahami isi kandungan al-Quran. Amalan ini perlu dibudayakan dalam kalangan masyarakat Islam masa kini terutamanya bagi golongan kanak-kanak dan remaja. Golongan tersebut lebih terdedah kepada media sosial, permainan dalam talian dan kandungan hiburan tanpa sempadan. Keadaan ini menyebabkan masa bersama al-Quran dan aktiviti keagamaan semakin diabaikan, malah ada yang langsung tidak membiasakan diri dengan bacaan dan penghayatan al-Quran. Sesungguhnya amalan ini bukan pilihan, tetapi keperluan mendesak yang mesti dibudayakan agar umat Islam membesar dengan panduan al-Quran, membina benteng akidah, akhlak dan jati diri ummah sekali gus menjadi simpanan pahala yang berlipat ganda di sisi Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ، وَالحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا، لَا أَقُولُ الِّمَ حَرْفٌ، وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلَا مٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ.

Maksudnya: “Sesiapa yang membaca satu huruf daripada al-Quran maka baginya satu kebaikan. Satu kebaikan menyamai 10 gandaan. Tidaklah aku katakan *al* itu satu huruf. Bahkan Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf.” (Riwayat at-Tirmizi)

Hadis Rasulullah SAW ini menjelaskan bahawa membaca Alif Lam Mim sahaja akan dikurnia 30 pahala kerana setiap huruf daripada al-Quran digandakan kepada 10 pahala. Perkara ini akan menjadi dorongan yang amat besar kepada umat Islam agar sentiasa istiqamah untuk membaca

al-Quran kerana setiap huruf yang dibaca walaupun sedikit tetapi akan menjadikan simpanan pahala yang amat bernilai untuk kehidupan di akhirat kelak. Rasulullah SAW juga menegaskan bahawa orang yang terbaik ialah orang yang mempelajari al-Quran lalu mengajarkannya kepada orang lain. Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ.

Maksudnya: “Sebaik-baik kamu adalah orang yang belajar al-Quran dan mengajarkannya.” (Riwayat al-Bukhari)

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Penjagaan al-Quran dalam bentuk tulisan dan hafazan menjadi bukti yang kukuh bahawa al-Quran itu dipelihara Allah SWT daripada sebarang kesalahan dan kekurangan. Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.”

Hari ini kita wajar bersyukur kerana Kerajaan Negeri khususnya telah berusaha memperbanyakkan sekolah *Dini* (agama) dan Tahfiz demi memastikan anak-anak umat Islam dapat menghafaz al-Quran dan mengikuti pengajian Islam dengan sempurna. Sekolah-sekolah tahfiz ini menjadi bukti keprihatinan kerajaan dalam usaha melahirkan para Hafiz dan Hafizah yang akan menjadi tonggak kemajuan umat Islam di negeri ini khususnya dan negara umumnya.

Bersempena dengan Majlis Tilawah Dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Sabah (MTHQNS) yang telah berlangsung daripada 9 Februari hingga malam ini di Dewan Sa’adah, Wisma MUIS Kota Kinabalu, mimbar menyeru sidang Jumaat sekalian agar dapat hadir bersama-sama

mengimarahkan Majlis Penutupan MTHQNS sekaligus menjadikan majlis ini sebagai platform untuk memahami dan menghayati al-Quran. Pemahaman dan penghayatan ini perlu diterjemah dan dizahirkan dalam bentuk pengamalan agar kita sentiasa dinaungi rahmat daripada Allah SWT.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar menyeru semua jemaah sekalian agar kembali kepada panduan al-Quran dengan:

1. Sentiasa meneliti, memahami, memelihara dan merujuk kepada al-Quran setiap masa.
2. Sentiasa merujuk maksud isi kandungan al-Quran kepada mereka yang ahlinya agar selari dengan fahaman *Ahli Sunnah Wal Jamaah*.
3. Sentiasa membaca dan mempelajari al-Quran.
4. Sentiasa mendukung usaha-usaha untuk memartabatkan al-Quran.

Firman Allah SWT dalam surah Fatir ayat 29:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI,

Sebagai sebuah negara berdaulat, Malaysia amat menitikberatkan aspek keselamatan negara demi menjamin keamanan, kestabilan dan kesejahteraan rakyat. Keselamatan ini merangkumi daratan, udara serta perairan yang menjadi nadi kepada kedaulatan dan kemakmuran negara. Penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia terus berperanan sebagai sebuah institusi keselamatan yang memikul amanah besar dalam memastikan perairan negara berada dalam keadaan aman, selamat dan berdaulat. Bersempena sambutan ke 21 tahun Maritim Malaysia dengan bertemakan “*Maritim Diperkasa, Samudera Terpelihara*” ia menggambarkan usaha memperkukuh keupayaan penguatkuasaan dan tadbir urus secara integriti di samping memastikan perairan negara kekal terpelihara selari dengan aspirasi Malaysia Madani.

وَاَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ.
فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, tolonglah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan guncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegaskan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah, berkatilah kami serta limpahkan kasih sayang-Mu kepada kami dalam bulan Syaaban dan temukanlah kami pada bulan Ramadan. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. Telefon: [088-522127](tel:088-522127)

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com